

# Pasak berusaha bukukan sejarah tentang silat gayung

- 9 JUN 1978

Oleh SUMADI SARKAWI

SEBUAH pertubuhan seni mempertahankan diri di sini — Pasak — sedang membuat satu rangka asas yang bertujuan untuk membukukan sejarah dan perkembangan seni silat gayung di rantau ini dalam usaha mengekalkan dan mengenalkan seni itu kepada lebih ramai orang.

pencah silat  
Ia akan dibuat oleh setiausaha agungnya, Encik Ariff Zahari, yang mana antara lain akan memuatkan sejarah, sukatan pelajaran dan adat serta perkembangannya di rantau ini.

Minggu lalu, satu rombongan dari Pasak telah mengadakan lawatan dan kajian seminggu ke Malaysia di mana mereka mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Mahaguru Pasak, Encik Meor Rahman di Taiping, Perak.

Encik Ariff mengatakan bahawa lawatan rombongannya itu adalah berjaya dalam mencari bahan-bahan untuk pembukuan itu.

"Besarnya kemungkinan kami akan mengadakan satu lagi lawatan ke Malaysia untuk melengkapkan usaha pembukuan ini," katanya

## Lawatan

Dia mengatakan lagi adalah diharapkan buku ini akan menjadi panduan kepada pertubuhan dan orang perseorangan untuk mempelajari dan mengetahui sejarah seni silat ini sejak ia bermula di Pulau Sudong pada 1942.

Encik Ariff menambah bahawa lakar pembukuan seni silat gayung di Singapura serta sejarahnya hampir selesai dijalankan dan kini menunggu butir-butir mengenai sejarahnya di Malaysia untuk melengkapkan usaha pembukuan itu.

Mengenai sukatan pelajaran silat ini, Encik Ariff menerangkan bahawa diharapkan buku ini akan menjadi panduan untuk pelajaran di sini, dan tidak berbeza antara pelajaran yang dijalankan antara satu badan dengan badan yang lain.

Sementara itu, Pasak dan Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit) sedang merundingkan untuk menyelaraskan sukatan pelajaran seni silat gayung yang diajarkan kepada pengikut kedua pertubuhan ini.

Ini adalah kerana ada beberapa peringkat dari sukatan pelajaran yang dibuat oleh kedua pertubuhan ini mempunyai perbezaan, walaupun tidak besar.

## HQ anjur Malam Kuningan S'pura

SEMPENA ulangtahunnya yang ke-16, Himpunan Queenstown (HQ) akan menganjurkan Malam Kuningan Singapura mulai 7.30 malam 30 Jun ini bertempat di Panggung Victoria.

Tujuan dianjurkan majlis ini juga adalah untuk memilih wakil bagi menyertai Pesta Silat Kebangsaan '78.

Acara kemuncak ialah memilih 'Mr. Kuningan'. Mereka yang berminat boleh menghubungi Encik Rohmat Juraimi di Pusat Kesihatan Atlas, Jalan Saudaraku, Siglap atau telefon 418032.

Tiket-tiket berharga \$1.00, \$2.00 dan \$3.00 boleh didapati dari anggota-anggota jawatankuasa HQ.

## Pasak ingin hubungi ahli seni silat gayung yg masih giat

DALAM usaha membukukan sejarah dan perkembangan seni silat gayung, Pasak ingin menghubungi ahli-ahli seni silat gayung yang lama sama ada yang masih bergiat ataupun sebaliknya.

Pertemuan ini adalah untuk mengetahui akan sejarah perkembangan dan sukatan pelajaran yang dijalankan dalam "zaman mereka."

Menurut presiden Pasak, Encik Yahya Haji Bujang, pertemuan dengan ahli-ahli silat yang lama ini adalah perlu untuk sejarah demi untuk pembukuan yang sedang diusahakan itu.

Mereka yang sanggup mengadakan pertemuan ini boleh menghubungi Encik Yahya melalui telefon 2692521.

Encik Yahya juga menerangkan bahawa Datuk Meor Abdul Rahman adalah mahaguru seni silat gayung serantau dan bukannya seni silat gayung Pasak.

Pasak telahpun mengadakan lawatan ke Malaysia pada hujung bulan lalu dalam usaha untuk mencungkil bahan-bahan untuk kerja-kerja pembukuan itu.

Rundingan telahpun dijalankan dengan pegawai-pegawai seni silat gayung di Malaysia mengenai perkembangan dan sejarah seni itu di sana.

Besarnya kemungkinan Pasak akan mengadakan satu lagi lawatan pada hujung tahun ini untuk kajian lanjut mengenai pembukuan itu.

# Persisi dapat bahan2 silat yg baik dari dua negara

30 JUN 1978

PERSATUAN Silat Singapura (Persisi) telah mendapat "bahan-bahan yang baik" hasil dari lawatan ke dua buah negara dalam usaha "mendalami sejarah silat serantau."

Rombongan Persisi seramai tiga orang pegawai baru saja pulang dari satu lawatan ke Indonesia dalam usaha mereka mengumpulkan bahan-bahan mengenai seni silat yang akan dibukukan untuk kepentingan peminat-peminat silat dan generasi akan datang.

Sebelum ini satu rombongan sembilan orang anggota telah mengadakan lawatan ke Malaysia dengan tujuan yang sama.

## Bantuan

"Kami telah mengadakan rundingan dengan beberapa orang ahli silat di Infonesia dan mendapati bahawa sistem yang dijalankan adalah berlainan dan mempunyai banyak jenis silat," kata Encik Johari Uriff, setiausaha agungnya.

Oleh kerana Indonesia terbahagi kepada beberapa buah wilayah, silat yang diperkembangkan di sana adalah mengikut kemajuan wilayah itu sendiri dan perkembangannya dengan badan induknya adalah berlainan.

menurutnya, hasil dari kajian ini akan dibukukan dan akan menjadi satu bahan rujukan yang baik dalam perkembangan silat di Republik ini.

"Besarnya kemungkinan ia akan diterjemahkan ke bahasa Inggeris untuk menarik lebih ramai orang-orang bukan Melayu menceburkan diri dalam lapangan silat," katanya.